

**TEKS UCAPAN PENGARAH MUZIUM  
FESTIVAL PERMAINAN TRADISI BRUNEI  
SEMPENA HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023**



**HARI KHAMIS, 18 MEI 2023  
GALERI 4, HAB TENAGA BRUNEI DERMAGA DIRAJA  
PUKUL 9:30 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil Alameen, Wassalatuwassalamu Ala Asyrafanbiyyaaie Wal-Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Walaa Alihi Wa Sahibi Ajmain.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan,  
Belia dan Sukan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Terutama, Duta-Duta dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi  
Luar Negara di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap  
(Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap  
(Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan),  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah,  
Pegawai-Pegawai kanan Kerajaan, Wakil-wakil 7 Puak Brunei, hadirin dan hadirat yang  
dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, paramba/saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
atas kehadiran **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad,**  
**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan** selaku **tetamu kehormat** kita di majlis pada pagi  
ini.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya juga, kita dapat berkumpul di Majlis Pelancaran Festival Permainan Tradisi sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 dengan tema ‘Melestarikan Permainan Tradisi’ pada hari ini.

Festival Permainan Tradisi ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Muzium-Muzium untuk mendidik dan memberi gakan kepada orang ramai khususnya generasi muda mengenai kepentingan peninggalan warisan khazanah bangsa kitani. Festival ini bertujuan untuk menerapkan Nilai-Nilai Teras KeBruneian kepada orang ramai supaya identiti kitani akan sentiasa dijaga dan mengalir ke dalam hidup masyarakat di negara ini.

Negara Brunei Darussalam adalah kaya dengan warisan budaya yang unik dan menarik, salah satunya adalah permainan tradisi. Jabatan Muzium-Muzium sentiasa dan akan terus memainkan peranan aktif dalam memelihara warisan budaya kita kepada rakyat Brunei dari pelbagai peringkat umur. Salah satu program Jabatan ini, Program Muziumku Warisanku, berfungsi sebagai platform untuk mendidik orang ramai, terutamanya generasi muda tentang warisan budaya kitani yang unik, salah satunya adalah permainan tradisional. Dari tahun 2017 hingga 2022, seramai **18,779 orang** telah menyertai program ini dan ia adalah harapan Jabatan ini agar program ini akan terus memenuhi objektifnya iaitu untuk memberikan pendidikan yang tidak ternilai harganya kepada orang ramai. Kami juga mengalu-alukan rakan strategik untuk berkolaborasi dengan kami untuk program yang serupa, semuanya dalam objektif kami untuk menjaga warisan ketara dan tidak ketara.

Festival ini diadakan juga untuk memeriahkan lagi sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diadakan setiap 18 Mei seluruh dunia. Hari Muzium Antarabangsa ini adalah salah satu inisiatif International Council of Museums (ICOM) dalam menyeru institusi-institusi muzium seluruh negara untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan muzium, pertukaran budaya, pengkayaan budaya, serta memahami dan mengadakan kerjasama dalam bidang kebudayaan.

Festival Permainan Tradisi ini ini akan diadakan selama 2 minggu bertempat di Galeri 4 Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, mulai **18 Mei** sehingga **31 Mei 2023**. InshaAllah, Festival ini

diharapkan dapat memberi impak positif dalam memperkuuhkan, memelihara dan memulihara warisan budaya dan identiti kita yang unik.

InsyaAllah, apa yang diharapkan agar hasil pameran ini akan memberikan impak positif yang amat besar kepada seluruh penduduk dalam memperkenalkan dan memberigakan tradisi dan warisan budaya.

Sebelum paramba/saya mengakhiri ucapan ini izinkan paramba/saya untuk memberikan ucapan dalam Bahasa Inggeris kepada para perwakilan luar negara di Negara Brunei Darussalam ini.

Distinguished Guest, Your Excellencies, Ladies and Gentlemen,

First of all, I would like to express my deepest appreciation and thanks for the presence of our Guest of Honor, **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad**, Minister of Culture, Youth & Sports on this very exciting occasion.

Alhamdulillah, by the grace of Allah SWT we are gathered here today for the launching of The Brunei Traditional Games Festival, held in conjunction with the International Museums Day.

With the theme '*Melestarikan Permainan Tradisi*', roughly translated to Conserving or Making Our Traditional Games Sustainable, The Brunei Traditional Games Festival is one of the initiatives by the Brunei Museums Department aiming to educate and raise awareness to members of the public, particularly the younger generation, about the essence and the importance of our cultural heritage. This Festival aims to internalise *nilai-nilai teras keBruneian* – that is, our Bruneian core values, through the preservation of our identity and our cultural heritage, characteristics of what makes us truly Bruneian.

Brunei Darussalam is rich with unique and interesting cultural heritage, one of them being our traditional games. The Brunei Museums Department has always and will continue to play an active role in preserving our cultural heritage to people of various ages. One of our programmes, *Program Muziumku Warisanku*, translated to 'My Museum, My Heritage' Programme, serves as a platform to educate the public, especially the younger generation about our unique cultural heritage, one of them being the traditional games. From 2017 to 2022, a total of **18,779 people** have participated in this programme and it is our hope that this programme will continue to serve its purpose, that is to provide a valuable education to the public. We also welcome strategic partners to collaborate with us for similar programmes, all in our objective of being the custodian of both tangible and intangible heritage.

The Brunei Traditional Games Festival is conducted also to celebrate the International Museums Day, celebrated on the 18<sup>th</sup> May annually. This celebration is held to gather museum institutions all around the world to give awareness to everyone about the importance of museums, cultural exchange, cultural enrichment, as well as understanding and collaboration within the cultural aspect.

The Brunei Traditional Games Festival will be held for 2 weeks at Gallery 4 of Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, from the 18<sup>th</sup> until 31st of May 2023. It is hoped that this Festival will be impactful in sustaining, preserving and conserving our unique cultural heritage and identity.

To end this remark, I would like to once again thank our honorable guests for attending the launching of the Brunei Traditional Games Festival. We pray that Allah Subhanahu Wa Ta'ala will always bestow us blessings of well-being and protection. Thank you.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.